

KENYATAAN MEDIA

REBAT CUKAI TAKSIRAN BAGI PEMILIK RUMAH MESRA ALAM HIJAU DAN MAMPAN DI PETALING JAYA TAHUN 2012

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi tahun ke-2 sekali lagi mempelawa pemilik rumah individu mengemukakan permohonan rebat cukai taksiran bagi tahun 2012.

Adalah dimaklumkan bahawa MBPJ telah meluluskan pelaksanaan Kerangka Kerja Low Carbon Cities Framework yang disediakan oleh KeTTHA dan MIP pada 14hb Disember 2010 sebagai panduan menjadikan Petaling Jaya sebuah Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah. SUsulan itu, Pelan Strategik Kerangka Low Carbon City of Petaling Jaya telah diluluskan oleh MBPJ pada 28hb Julai 2011 sebagai panduan pelaksanaan. Antara program yang disyorkan ialah Skim Rebate Cukai Taksiran kepada pemilik rumah yang mesra alam hijau dan mampan.

Skim ini bertujuan untuk mempromosikan gaya hidup penduduk yang mesra alam hijau kea rah menjadikan Petaling Jaya sebuah Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah. Rebate cukai taksiran ini ditawarkan kepada pemilik rumah yang telah mengambil inisiatif untuk menjadikan bangunan kediaman mereka mesra alam hijau dari segi aspek tenaga, air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa buangan, pengangkutan dan pelbagai inisiatif lain.

Sebagai permulaan perintis pada tahun lepas, skim ini telah menerima permohonan daripada 49 orang pemilik rumah di mana setelah sesi penilaian dibuat oleh panel penilai berdikari, sejumlah RM18174.45 telah diberikan kepada pemohon yang menikmati antara 10 hingga 100% rebate.

Sekali lagi, bagi tahun 2012 pemilik individu yang layak akan menerima 100% rebate cukai taksiran ataupun RM500, mana yang lebih rendah dengan amaun dikreditkan ke dalam akaun cukai mereka bagi tahun 2013. Tarikh tutup permohonan bagi tahun 2012 adalah pada 6hb Jun 2012, jam 5.00 petang.

Antara syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:-

1. Skim Rebate Cukai Taksiran ditawarkan bagi pemilik rumah yang mesra alam hijau dan mampan mengikut kriteria seperti dalam Jadual 1, lampiran 1.
2. Skim ini hanya ditawarkan kepada pemilik hartanah perumahan individu saja dan tidak termasuk korporat. Ini termasuk rumah sesebuah, berkembar, teres, rumah pangsa, kondominium dan pangsapuri. Bagi pemilik yang telah

menerima rebat bagi tahun 2011, hanya inisiatif baru dan belum dikemukakan saja akan dinilai untuk pertimbangan rebat.

3. Had tertinggi bagi rebat adalah 100% cukai taksiran ataupun RM500, mana yang rendah bagi setiap individu saja.
4. Setiap individu yang menduduki rumah sendiri saja yang layak dan hanya boleh membuat tuntutan sekali saja walaupun memiliki lebih daripada sebuah rumah.
5. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan borang yang disediakan oleh Majlis dan tuntutan hanya akan diluluskan setelah diperakui oleh Majlis atas syor oleh ahli panel perunding yang dilantik oleh Majlis. Borang boleh dimuat-turun daripada laman web mbpj, www.mbpj.gov.my
6. Satu panel perunding terdiri daripada pakar dalam bidang tenaga, air, kepelbagaian biologi, perancangan Bandar berkarbon rendah, bangunan dan infrastruktur hijau, pengurusan sisa sampah, pengangkutan mampan dan lain akan dilantik secara kehormat dengan honorarium diberikan.

Menerusi Skim Rebat ini, MBPJ berharap lebih ramai pemilik rumah kediaman akan memasukkan elemen dan komponen mesra alam hijau dan mampan dalam kediaman mereka. Secara kolektifnya usaha tersebut akan mendapat memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya hijau berkarbon rendah. Majlis ingin menyeru pemilik rumah kediaman individu di kawasan pentadbiran MBPJ member sambutan baik ke atas skim inni. Penyertaan dan sokongan padu semua pihak adalah sangat dihargai. Majlis juga memohon jasa baik pihak media supaya dapat menyebarkan maklumat berkenaan skim ini.

Untuk keterangan lanjut, pengambilan dan penyerahan borang orang ramai boleh menghubungi ketalian 03-7956 3544 sambungan 402/351 atau datang terus ke Pasukan Petugas Green City Of Petaling Jaya, Unit OSC MBPJ, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat Bawah, IbuPejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, ataupun emailkan ke lee@mbpj.gov.my.

Di sediakan oleh:

Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204,
Faks : 03-79582695.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604,
zainun@mbpj.gov.my
Pen. Peg. Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar,
010-4268050 ahmadiskandar@mbpj.gov.my